

12/01/2004

Ibu bapa wajar bantu perangi lumba haram

Raja Ahmad Zainuddin

TEKA teki siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri terlerai sudah, apabila Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dilantik sebagai orang kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perlantikan itu dan rombak kecil barisan Kabinet turut mempengaruhi pasaran saham tempatan, sambil dunia sukan menumpang bangga dengan kehadiran dua tokoh itu yang sebelum ini pernah memimpin dan berada di Kementerian Belia dan Sukan.

Najib pernah menjadi Menteri Belia dan Sukan di bawah kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad manakala Perdana Menteri kita sekarang sememangnya tidak asing lagi dengan kementerian itu.

Semoga kombinasi dua tokoh ini terus menjana dunia sukan kita. Di kalangan pergerakan Pemuda Umno, Najib dikenali, sebagai seorang pemimpin yang suka turun padang dan memiliki skil sebagai sebagai penyerang utama dalam permainan bola sepak.

Saya masih ingat ketika perlawanan persahabatan dengan pasukan Menteri Besar Perak, beliau mempamerkan kebolehan menjaringkan gol.

Timbalan Perdana Menteri juga bertuah kerana isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor memang dikenali sebagai seorang pemain utama pasukan badminton pasukan Bakti.

Pun begitu, bercakap mengenai sukan, sasarannya tetap menjurus kepada remaja. Bagaimana dengan nasib dan masa depan mereka? Dadah umpamanya terus menjadi perbuahan, malah sejak akhir ini pelajar perempuan sekolah menengah juga tidak terkecuali dengan gejala itu.

Perlumbaan haram semakin menjadi-jadi di kalangan remaja sejak akhir-akhir ini, sedangkan mereka tahu bahawa hukuman jika tertangkap amatlah berat.

Belia adalah harapan bangsa. akan tetapi, sejauh manakah seriusnya mereka di dalam memberikan tumpuan masa depan mereka, sedangkan jika terbabit dalam sukan, hadiah tetap menunggu mereka jika berjaya menjadi atlit yang cemerlang.

Walaupun, melalui faedah pelbagai program belia yang dianjurkan oleh kerajaan, masa depan mereka tetap di dalam tangan mereka sendiri. Tetapi kenapa ada yang memilih menjadi remaja yang patah tangan atau kaki kerana menyertai lumba haram?

Justeru, ibu bapa wajarlah mengingatkan anak-anak mereka bahawa kerajaan sedang memerangi kegiatan lumba haram, terutama selepas sekumpulan remaja membelasah Setiausaha Perhubungan Umno Kedah, Datuk Abdul Rahman Ariffin pada awal pagi 1 Januari yang lalu.

Bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa bagi remaja yang tidak terdidik, tiada lesen memandu melakukan ubah suai kepada motosikal mereka dan berentap di jalan-jalan raya ketika larut malam.

Saya sendiri ketika memandu terpaksa mengalah kepada pelumba-pelumba ini yang menjadikan jalan raya seperti mereka yang bina. Apakah mereka tidak merasa takut dan sayang kepada nyawa sendiri? Dan pada waktu yang sama turut membahayakan keselamatan orang lain.

Kehadiran penonton menyebabkan rasa ghairah mereka melonjak-lonjak malah menunjukkan kesombongan sekalipun sedar kehadiran polis.

Justeru biar pekikan sekuat mana sekali pun mendesak supaya hukuman berat dijatuhkan ke atas mereka yang terbabit dengan lumba haram ini termasuk menggantung lesen memandu, saya percaya ia bukanlah jalan penyelesaian. Sebaliknya, mereka yang terbabit ini perlulah diwajibkan

menjalani proses pemulihan supaya kita dapat tahu apakah sebenarnya yang menyebabkan mereka melakukan perkara yang tidak berfaedah ini.

Saya berasa masanya sudah tiba di mana sektor swasta atau mereka yang terbabit dalam sukan perlumbaan ini untuk proaktif memajukan perlumbaan ini dalam erti kata penganjuran sebenar dan lebih murah disertai, bertanggungjawab dan berdisiplin.

Kita mestilah juga memikirkan bagaimana remaja ini boleh melepaskan gian mereka mengikut saluran-saluran yang betul seperti membenarkan litar-itar perlumbaan di bina di bandar-bandar utama.

Tanah masih terbentang luas dan terbiar tanpa sebarang usaha oleh pemilik yang boleh diberikan secara tumpangan sementara (TOL) kepada mana-mana penganjur perlumbaan yang berminat.

Tidak dinafikan, untuk mendirikan litar yang kekal ia amatlah mahal, tetapi dengan gabungan sumber-sumber yang ada seperti mereka yang berminat termasuk pembuat kereta dan motosikal, hasrat ini boleh menjadi realiti.

Sektor swasta pada waktu yang sama terutama syarikat petroleum wajarlah digalakkan membabitkan diri dalam sukan ini dengan memberikan hak untuk mengiklankan produk mereka dan sekali gus menganjurkan perlumbaan di kalangan remaja di bawah program tahunan tiap-tiap negeri.

Sebagai contoh, Padang Polo di Ipoh pada suatu ketika dijadikan tempat untuk motocross manakala di Sekolah Yuk Choy di jalan Kuala Kangsar juga pernah menjadi tumpuan perlumbaan go-kart di mana mendiang Hengkie Irawan dari Indonesia turut serta lebih 20 tahun yang lalu.

Selain daripada itu, Kelab Diraja Motor Perak juga pernah menganjurkan pertandingan untuk kereta jenis saloon di tapak perindustrian Tasek, selain Padang Kota Lama Pulau Pinang turut dijadikan satu lagi trek perlumbaan go-kart dan motosikal.

Kalau dulu, kehadiran ramai penonton yang menyaksikan perlumbaan itu turut meluangkan masa bercuti di Pulau Mutiara itu, perkara yang sama boleh dilakukan sekarang bagi menarik lebih ramai pelancong.

Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, sebenarnya banyak kegiatan boleh dilakukan seperti mewujudkan Rakan Bermotor melalui Program Rakan Muda kerana peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dirasakan mencukupi.

Sebelum mengundur diri, saya menyembahkan ucapan tahniah di atas pemasyhuran Yang Mulia Che Puan Hajjah Haminah Haji Hamidon sebagai Tuanku Sultanah Negeri Kedah Darul Aman, yang menjadi kenalan rapat semasa kami sama-sama menuntut, dan seorang peminat sukan bola sepak dan golf, dengan iringan doa semoga kesejahteraan terus melimpah kepada pasangan diraja itu.